



MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

(Iklan Jawatan Kosong)

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Perlis) yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan bertaraf **Contract For Service** di pentadbiran Majlis Perbandaran Kangar seperti berikut :

A. SKIM PERKHIDMATAN

NAMA JAWATAN	SETARA GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	LANTIKAN
1. Penolong Pegawai Seni Bina	Gred 29	Pelaksana	Kontrak (<i>Contract For Service</i>)
2. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	Gred 29	Pelaksana	Kontrak (<i>Contract For Service</i>)

B. SYARAT LANTIKAN

1. JAWATAN - PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA29

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) (i) Sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

- (ii) Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- e) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. JAWATAN - PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) (i) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iii) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iv) Diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- e) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

C. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT

1. Iklan kekosongan jawatan ini boleh dilihat dalam portal rasmi Majlis Perbandaran Kangar Perlis dengan melayari mpkangar.gov.my sahaja.
2. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang PABMS/MPK.PS-12-R1-2024** yang boleh didapati dalam portal rasmi Majlis Perbandaran Kangar, Perlis dan semua borang permohonan jawatan perlu disertakan bersama Salinan Sijil/Dokumen-dokumen yang telah disahkan oleh **Pegawai Kerajaan Gred 41** ke atas seperti berikut :
 - i) *Resume* terkini;
 - ii) Kad Pengenalan (depan dan belakang);
 - iii) Sijil Kelahiran;
 - iv) Sijil Berhenti Sekolah;
 - v) Sijil-Sijil Akademik (Sijil PMR/SPM/Diploma/Ijazah atau kelayakan yang setaraf dengannya dalam bidang yang berkaitan);
 - vi) Sijil Kegiatan Luar (jika ada); dan
 - vii) Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan jawatan yang dipohon atau pengesahan kemahiran yang berkaitan.
3. Pemohon juga dikehendaki membawa dokumen-dokumen (Asal) semasa menghadiri temuduga tersebut.
4. Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Penguasa Tempatan dikehendaki memaklumkan kepada Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan Pegawai-Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Bahagian III, Peraturan 18 serta mengemukakan secara berasingan ke pentadbiran Majlis dokumen-dokumen yang diakui sah oleh Ketua Jabatan seperti berikut :
 - i) Surat Pengesahan Ketua Jabatan;
 - ii) Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini;
 - iii) Salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini;

- iv) Salinan surat kelulusan pengisytiharan harta; dan
- v) Salinan penyata gaji yang terkini.

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN JAWATAN KOSONG

Tarikh permohonan jawatan kosong bagi jawatan yang dinyatakan **dilanjutkan** sehingga **15 Julai 2024 (Isnin)** selewat-lewatnya sebelum jam 4.30 petang.

E. MAKLUMAT AM

1. Permohonan berikut **AKAN DITOLAK** sekiranya :
 - i) Tidak menyertakan salinan dokumen/sijil yang disyaratkan ;
 - ii) Menyertakan salinan dokumen/sijil yang tidak dibuat pengesahan oleh Pegawai Kerajaan Gred 41 ke atas ;
 - iii) Borang permohonan tidak diisi dengan lengkap dan tulisan tidak terang/jelas ;
 - iv) Memohon jawatan yang tidak diiklankan ;
 - v) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan ;
 - vi) Borang permohonan tidak ditandatangani ;
 - vii) Borang permohonan diterima selepas tarikh tutup permohonan ; dan
 - viii) Borang permohonan yang dikemukakan tidak melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam Persekutuan, Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
2. Hanya calon yang layak akan dipanggil untuk ditemuduga.
3. Segala perbelanjaan berhubung permohonan ini dan bagi menghadiri temuduga sekiranya dipilih untuk peringkat tersebut tidak akan ditanggung oleh Majlis Perbandaran Kangar, Perlis.

4. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.

F. ALAMAT PERMOHONAN

1. Permohonan yang lengkap diisi beserta salinan/dokumen yang telah disahkan hendaklah di alamat dan di sampaikan kepada :

**TUAN YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR PERLIS,
NO 192 PERSIARAN JUBLI EMAS,
01000 KANGAR,
PERLIS.
(u.p : *Jabatan Korporat Dan Sumber Manusia*)**

2. **Satu borang hanya untuk satu jawatan sahaja.**
3. Sila tuliskan '**nama jawatan**' disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.

Tarikh Iklan Disiarkan : 02 Julai 2024 (Selasa)